

Date	31 July 2014
Publication	Sinar Harian
Headline	George Kent umum bonus satu untuk tiga

George Kent umum bonus satu untuk tiga

31 Julai 2014

0



GEORGE Kent (Malaysia) Bhd memperoleh kelulusan pemegang saham untuk terbitan bonus satu untuk tiga saham biasa baharu berjumlah 75.1 juta, yang akan dikreditkan sebagai berbayar sepenuhnya.

Pengerusi kumpulan itu Tan Sri Tan Kay Hock berkata tarikh kelayakan dan penyenaraian saham bonus itu dijangka selesai pada akhir Ogos.

"Terbitan ini akan menyebabkan pertambahan saham-saham terbitan dan berbayar syarikat kepada 300.41 juta daripada 225.31 juta saham sedia ada," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung luar biasa syarikat itu di Kuala Lumpur hari ini.

Pada 11 Julai lepas, George Kent menerima kelulusan daripada Bursa Malaysia Securities Bhd bagi penyenaraian dan sebut harga saham bagi cadangan terbitan bonus satu untuk tiga.

Kelulusan itu berasaskan syarat bahawa George Kent dan RHB [Investment Bank](#) Bhd, yang menjadi penasihat untuk cadangan terbitan bonus itu, mematuhi sepenuhnya peruntukan-peruntukan yang relevan dalam syarat penyenaraian Pasaran [Utama](#), kata syarikat itu dalam maklumannya kepada Bursa Malaysia.

Untuk suku pertama berakhir 30 April, keuntungan sebelum cukai George Kent meningkat 9.8 peratus kepada RM8.705 juta, yang didorong oleh margin keuntungan yang lebih tinggi daripada segmen perkilangan, perdagangan dan pembinaan. - Bernama